



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 MEI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	APA KATA MENTERI, SH -26	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	DATUK SALAHUDDIN AYUB, LAPORAN PRESTASI, BH -13	
3.	AKTA BENIH DIKHUATIRI JADIKAN BERAS LEBIH MAHAL, KURANG KHASIAT, MALAYSIA KINI -ONLINE	
4.	FOUR FINED FOR ILLEGALLY TRANSPORTING CHICKENS, NATION, THE STAR -18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	NASIB NELAYAN LEBIH TERBELA, NASIONAL, SH -4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	NAFAS JAMIN BEKAL BAJA PADI IKUT JADUAL -PHAHRILRAZI, DALAM NEGERI, UM -9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	DESAKAN HENTI USAHA BENTANG RUU KUALITI BENIH TANAMAN, ISU, BH -16	LAIN - LAIN
8.	DIMINTA DEDAH TEKS RUU KUALITI BENIH, SETEMPAT, HM -22	
9.	LIBATKAN PETANI SEBELUM BENTANG RUU KUALITI BENIH, NEGARA, KOSMO -14	
10.	PENGUSAHA MADU TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -14	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



■ ■ ■ Pemberdayaan untuk rakyat akan diteruskan, terutamanya kepada golongan petani. Justeru, kita akan memberi penumpuan kepada tiga dimensi agromakanan iaitu keselamatan makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta pelaburan swasta dan perdagangan.”

**- Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,
Datuk Salahuddin Ayub**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2019	BERITA HARIAN	LAPORAN PRESTASI	13

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MENTERI

Datuk
Salahuddin
Ayub



PENCAPAIAN

- Memperoleh laluan pasaran durian sejuk beku dalam bentuk biji ke China
- Peruntukan RM6.2 juta kepada 403 usahawan agro muda
- Pelaksanaan kemudahan pinjaman mikro berjumlah RM5.4 juta yang manfaatkan 1,719 usahawan wanita B40
- Mermintum dan membebaskan nelayan daripada orang tengah yang memanfaatkan 128 pasar nelayan dan 532 nelayan.
- Peruntukan RM5.5 juta untuk program berkaitan kuliner seperti program Malaysia Street Food Festival
- Memperluas penanaman padi wangi di dalam dan luar kawasan jelapang bagi meningkatkan pendapatan pesawah
- Melancarkan Agromall FAMA, Puchong bagi meningkatkan pemasaran produk Industri asas tan

DALAM PROSES

- Meminda Akta Perikanan 1985 untuk menggalakkan tangkapan ikan tuna di laut lepas dengan sasaran tangkapan sebanyak 30,000 tan metrik bernilai RM1,245 juta setahun kepada negara
- Meningkatkan pengeluaran kelapa, nanas, durian, ternakan ruminan dan Jagung bijian bagi mengurangkan import Meningkatkan pendapatan pesawah kepada lebih RM3,000 sebulan menjelang 2030
- Melantik dua syarikat untuk mengimport beras menerusi model duopoli membabitkan pesawah sebagai pemegang taruh
- Menghapuskan harga siling beras tempatan dan menetapkan harga siling beras putih import
- Mengatasi manipulasi orang tengah dalam industri perikanan bagi meningkatkan pendapatan nelayan dan menurunkan harga jualan kepada pengguna
- Mempelbagaikan sumber import daging kerbau
- Tingkat kadar sara diri (SSL) industri daging tempatan kepada 30 peratus dalam tempoh lima tahun menerusi integrasi ternakan lembu dengan ladang sawit

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/5/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Akta benih dikhuatiri jadikan beras lebih mahal, kurang khasiat

Sebuah kumpulan hari ini memberi amaran bahawa nasi yang merupakan makanan ruji nombor satu di Malaysia, mungkin menjadi lebih mahal serta kurang berkhasiat dan lazat jika undang-undang baru mengawal biji-bijian pertanian digubal.

Forum Keselamatan dan Kedaulatan Makanan Malaysia berkata ini kerana undang-undang benih yang dicadangkan itu boleh menggalakkan monokultur tanaman dan oligopoli oleh syarikat-syarikat besar.

"Kalau beberapa sahaja jenis benih yang (diluluskan untuk ditanam) tapi di tangan syarikat swasta. Ini bermakna monopolii mungkin berlaku."

"(Kesannya), harga mungkin naik, jenis makanan di pasaran akan turun, (begitu juga) pilihan, kualiti dari segi khasiat, rasa," kata ahli forum Chee Yoke Ling pada sidang akhbar di Kuala Lumpur hari ini.

Chee, yang juga pengarah Third World Network, berkata monokultur sering mengalami masalah dengan zat makanan, serta penggunaan bahan kimia.

Penyelaras forum Fitri Amir pula berkata ini akan menjelaskan semua jenis tanaman makanan, termasuk buah-buahan.

Walaupun perladangan monokultur membawa kepada hasil yang lebih tinggi, pengkritik mendakwa bahawa menanam tanaman yang sama berulang kali memudaratkan nutrien tanah secara semulajadi dan memaksa petani untuk menggunakan baja kimia, yang seterusnya menjadikan tanaman kurang berkhasiat.

Ia juga membuat tanaman lebih mudah terdedah kepada perosak dan penyakit, yang akhirnya menggalakkan penggunaan bahan kimia tambahan ke atas tumbuh-tumbuhan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Salahuddin Ayub, bulan lalu memaklumkan kepada Parlemen bahawa rang undang-undang benih adalah hampir 99 peratus siap dan akan digunakan, khususnya untuk mengawal mutu benih padi.

Four fined for illegally transporting chickens

JOHOR BARU: Four men have been fined RM1,000 each in default three weeks in jail for illegally transporting chickens in an express bus from Kelantan into Johor.

Nik Norilham Muhamad Afandi, 41, Mohd Zulhilmi Amzar Zuhaimi, 27, Raja Al Faisal Raja Azlan, 27, and Fauzi Yazid, 47, pleaded guilty in front of magistrate Nurasidah A. Rahman here yesterday.

The four men had committed the offence at the Larkin Sentral bus terminal on April 7 last year.

They were caught during an inspection by the state Veterinary Services Department and the land transport authorities on the bus.

Four of the chickens found inside the cargo compartment were dead.

The act of transporting chickens without the written documented approval from the state Veterinary Services Department director is an offence under Johor State Bird Flu Control Area (bird flu) Order 2005.

Nurasidah also ordered three of the men to pay the state Veterinary Services Department for the costs of taking care of the chickens.

Zulhilmi did not have to pay anything since the dead chickens belonged to him.

All four paid the fines.

Watch the video
thestartv.com



Nasib nelayan lebih terbela

SHAH ALAM - Kerajaan Pakatan Harapan (PH) komited meningkatkan taraf hidup golongan nelayan melalui pelbagai perubahan yang dilaksanakan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, perubahan yang dilakukan itu bukan sahaja untuk penuhi manifesto semata-mata tetapi membawa agenda sebenar kerajaan itu sendiri.

Menurut beliau, ketika menjadi pembangkang sebelum ini, PH sentiasa fokus dalam usahanya untuk membantu rakyat dan ia dibuktikan sebaik dipilih menjadi kerajaan Mei tahun lalu.

"Nasib golongan nelayan jauh lebih terbela di bawah kerajaan PH

di mana perubahan drastik dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang sering membelenggu mereka.

"Antaranya mewujudkan pasar untuk nelayan menjual hasil tangkapan terus kepada pengguna tanpa menggunakan khidmat orang tengah. Keuntungan bukan sahaja kepada nelayan, malah pengguna sendiri dapat membeli makanan laut dengan harga murah.

"Malah, di bawah PH juga masalah pencerobohan nelayan asing yang sering membelenggu nelayan tempatan turut mendapat perhatian serius kerajaan dengan menubuhkan pasukan petugas khas menangani pencerobohan nelayan asing," katanya.

Nafas jamin bekalan baja-padi ikut jadual - Phahrolrazi

ALOR SETAR 8 Mei - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) memberi jaminan bekalan baja padi kepada pesawah kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini dan Perlis akan diedarkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Pengerusi Nafas, Datuk Ir. Phahrolrazi Mohd. Zawawi berkata, kesemua 22,041 tan metrik baja tersebut akan dibekalkan secara berperingkat menjelang akhir bulan ini berdasarkan tarikh pesanan yang dilakukan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) masing-masing.

Menurutnya, tidak timbul isu kelewatan seperti dibangkitkan para petani kerana mengikut prosedur ditetapkan, pembekalan baja itu perlu dibuat selewat-lewatnya 30 hari selepas pesanan diterima.

"Sehingga 30 April lalu, sebanyak 21,500 tan metrik pesanan baja diterima daripada MADA dan daripada jumlah itu, sebanyak 7,718 tan metrik atau 35.89 peratus baja telah dibekalkan kepada pesawah.

"Manakala baki 14,323 tan metrik baja padi akan disalurkan secara berperingkat sehingga 31 Mei ini seperti mana prosedur pembekalan yang ditetapkan," katanya dalam siang akhbar di sini hari ini.



**PHAHROLRAZI
MOHD. ZAWAWI**

Utusan Malaysia hari ini melaporkan, kira-kira 68,000 pesawah kawasan MADA bimbang apabila bekalan baja bagi musim pertama tahun ini masih belum diedarkan walaupun sebahagian mereka sudah menjalankan kerja-kerja menabur benih padi di bendang masing-masing ketika ini.

Mengulas lanjut, Phahrolrazi berkata, Nafas tidak mempunyai sebarang masalah untuk membekalkan baja terbabit kerana mempunyai simpanan stok baja yang mencukupi, malah pihaknya komited untuk membuat pembekalan seawal minggu pertama bulan lalu walaupun kontrak lanjutan pembekalan hanya diterima pada 5 April.

Berkaitan dakwaan terdapat PPK yang belum jalankan bancian baja di kawasan masing-masing, beliau berkata, proses tersebut hanya untuk kegunaan musim kedua tahun ini.

"Bagi musim pertama tahun ini, kita menggunakan rekod pembekalan baja yang sedia ada, jadi pesawah yang belum terlibat dengan bancian untuk musim pertama jangan bimbang kerana baja akan tetap diedarkan kepada mereka dalam tempoh ditetapkan," katanya.

Desakan henti usaha bentang RUU Kualiti Benih Tanaman

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di desak menghentikan usaha pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman 2019 pada sidang Parlimen, Julai ini.

Penyelaras Forum Keselamatan dan Kedaulatan Makanan Malaysia, Fitri Amir Muhammad, berkata pihaknya dimaklumkan kejayaan giat menjalankan sesi bertutur dengan pihak berkaitan bagi mendapatkan maklum balas berhubung RUU berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, jalan terbaik untuk mengelak kepincangan dalam aspek penggubalan dasar dan kesan terhadap pasaran domestik membabitkan industri tanaman negara ialah dengan menunda pembentangan RUU Kualiti Benih Tanaman 2019.

"Jangan bentang dulu sebagai be-

rum berbincang dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan dan petani sendiri kerana RUU ini menyentuh kepentingan dan masa depan mereka.

"Kita akui belum diberi peluang meneliti kandungannya, justeru dedahkan isi RUU terabit kepada umum kerana setiap perundangan yang ingin diperkenalkan mestilah demi kesajahteraan petani dan kedaulatan makanan negara.

"Penggubalan perundangan juga tidak wajar mengorbankan hak dan kebebasan amalan penyimpanan benih serta sistem pertanian secara tradisi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Selain

memorandum berhubung perkara berkenaan difahamkan sudah dihantar kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah

Aku belum diberi peluang meneliti kandungannya, justeru dedahkan isi RUU terabit kepada umum kerana setiap perundangan yang ingin diperkenalkan mestilah demi kesajahteraan petani dan kedaulatan makanan negara.

"Penggubalan perundangan juga tidak wajar mengorbankan hak dan kebebasan amalan penyimpanan benih serta sistem pertanian secara tradisi," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Salinan memorandum berhubung perkara berkenaan difahamkan sudah dihantar kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah

Wan Ismail serta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, semalam.

Fitri berkata, antara tujuan pembentangan RUU itu ialah meningkatkan persegeruan bekalan benih padi tidak sah yang didakwa semakin berleluasa di pasaran.

Undang-undang sedia ada relevan

Bagaimanapun, beliau menyatakan langkah berkenaan tidak wajar dilaksanakan kerana Sekyuar Kawal Selia Padi dan Beras merevolusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang masih relevan.

"Memang undang-undang sedia ada cukup untuk membantersa penjualan atau kemaskulan benih lain dan dari luar negara, cuma yang perlu diberi penekanan ialah

Fitri Amir Muhammad,
Penyelaras Forum Keselamatan
dan Kedaulatan Makanan
Malaysia

aspek penguatkuasaan terhadap Sistem Amalan Pertanian (SAP) saatu hingga 10," katanya.

Pengarah Program Third World Network (TWN), Chee Yoke Ling, ketika mengulas isu sama mendakwa kegiatan monopoli bekalan benih tanaman akan berlaku sekiranya RUU berkenaan dihuluskan di Parlimen.

Selain itu, katanya, kesan ran-

taian daripada pelaksanaan perun-

dangan berkenaan akan menyak-

sikan tanaman di pasaran, sekali-

gus memberikan bebanan tamba-

han terhadap kos hidup rakyat.

"Pilihan makanan di pasaran

akan merudum kerana kerajaan

akan mengawal jenis benih tan-

aman yang boleh ditanam mene-

rusi bekalan terus, justeru ini an-

tara masalah kaedah monokultur,

katanya.

Diminta dedah teks RUU Kualiti Benih

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa menghentikan perbincangan untuk menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih ketika ini sehingga ia melalui rundingan menyeluruh dengan semua agensi terbabit.

Koordinator Forum Keselamatan dan Kedaulatan Makanan Malaysia Nurfitri Amir Muhammad berkata, proses penggubalan RUU itu seharusnya melalui perbincangan semua pihak yang berkepentingan sehingga satu kesepakatan dapat dicapai sebelum digubal.

"RUU Kualiti Benih yang dimukamadkan dan kini dalam proses untuk pembentangan di Parlimen dikhawatir akan menafikan hak petani di negara ini.

"Ia juga akan menjaskan biodiversiti tanaman seperti yang telah termaktub dalam lima perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang disertai Malaysia," katanya selepas forum berkenaan, di sini, semalam.

Forum dihadiri empat ahli panel dalam bidang berkaitan itu turut disokong 62 organisasi masyarakat, koperasi dan institusi penyelidikan berkaitan yang tertera

pada memorandum tiga muka surat itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, memorandum itu diserahkan ke pejabat Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) serta Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, kelmarin.

Nurfitri Amir yang juga Setiausaha Agung Pertubuhan Pembangunan Antarabangsa dan Penyelidikan Untuk Kestarian berkata, MOA diminta mendedahkan teks RUU Kualiti Benih itu kepada umum.

"MOA juga diharap dapat berunding dengan organisasi yang bekerja dengan petani di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta kumpulan petani sendiri sebelum membentangkan rang undang-undang ini di Parlimen.

"Sepatutnya apa-apa undang-undang yang ingin diperkenalkan mestilah bermatlamatkan ke sejahteraan untuk petani dan kedaulatan makanan negara tanpa mengorbankan hak dan kebebasan petani terhadap benih dan sistem pertanian tradisi," katanya.

FAKTA

Proses penggubalan RUU itu seharusnya melalui perbincangan semua pihak

Libatkan petani sebelum bentang RUU Kualiti Benih

KUALA LUMPUR — Kerajaan diminta melibatkan golongan petani dan organisasi masyarakat sebelum teks Rang Undang-Undang Kualiti Benih dibentangkan di Parlimen. Koordinator Forum Keselamatan dan Kedaulatan Makanan Malaysia, Nur Fitri Amir Muhammad berkata, pihaknya juga sudah menghantar memorandum berhubung perkara tersebut kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail pada Selasa lalu.

Nur Fitri berkata, memorandum sama turut dilantarkan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Sallehuddin Ayub serta Menteri Air,

gara ini. "Menerusi kajian yang kami jalankan, undang-undang benih tersebut akan menimbulkan beberapa keimbangan seperti melarang amalan penyimpanan, menggalakkan amalan monokultur seterusnya akan berlaku pilihan benih yang terhad di pasaran," katanya pada sidang akhbar di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor di sini semalam.

Jelasnya, rang undang-undang tersebut juga dipercayai bercanggah dengan perjanjian dan konvensyen antarabangsa yang melindungi hak-hak petani serta biodiversiti tanaman yang disertai Malaysia.

"Kami turut meminta pihak

Kementerian Pertanian dan In-



NUR FITRI (empat dari kiri) bersama wakil NGO Petani memegang salinan memorandum pada sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar.

"Memorandum itu menyatakan bahawa undang-undang

dustri Asas Tani untuk mendakwa teks rang undang-undang tersebut kepada umum selain berunding dengan organisasi membabitkan petani sebelum memkentangkannya di Parlimen.

"Kumpulan petani perlu dilihat secara langsung dalam proses membuat kerputusan berkenaan rang undang-undang benih tersebut," katanya. Pada 8 April lalu, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan mengumumkan satu rang undang-undang baharu berkaitan benih sedang digubal untuk mengawal dan menangani pengedaran haram benih di pasaran.

pensijilan benih boleh memberi kesan negatif apabila terdapat pengawalan kualiti terhadap petani dan benih tanaman di ne-

Pengusaha madu terjejas

KUALA NERANG 8 Mei - Beberapa pengusaha madu kelulut di negeri ini berdepan kemungkinan 'gulung tikar' apabila syarikat kurier di negeri ini dikatakan enggan lagi menghantar produk mereka kepada pelanggan di seluruh negara mulai awal tahun ini.

Rata-rata mereka kini runsing kerana bakal menanggung kerugian ribuan ringgit apabila perkhidmatan pengeposan barang yang dikategorikan sebagai cecair, termasuk madu kelulut, dimansuhkan.

Menurut pemilik JKM Trigona Agro Farm, **Mohd. Ribon Zainon**, 45, dia kini hanya bergantung kepada pelanggan yang datang membeli sendiri madu kelulut di pusat ternakannya berbanding mengepos kira-kira 800 botol madu dalam sebulan sebelum ini.

"Produk kami dihantar hingga ke Sabah dan Sarawak, tetapi sejak peraturan ini dikuatkuaskan oleh syarikat-syarikat kurier, kami tiada pilihan untuk menjual madu tersebut seperti biasa."

"Sekarang ini, saya hanya mampu menjual kira-kira 200 botol madu kelulut dalam sebulan sejak Januari lalu. Apabila keadaan ini berlaku maka pasaran kami semakin mengecil dan turut menjerasakan pendapatan para ejen dan stokis," katanya ketika ditemui di sini hari ini.



MOHD. RIBAN ZAINON

Sementara itu, ejen jualan **Tahirah Mat Hussain**, 26, mengakui pendapatannya semakin terjejas sejak tidak boleh menggunakan khidmat kurier tersebut.

"Pendapatan saya banyak bergantung kepada penjualan madu kelulut ini. Apabila pasaran menjadi semakin terhad, maka kami perlu menyusun semula kewangan keluarga kerana perniagaan ini antara yang menampung perbelanjaan kami,"

ujarnya.

Tambah Tahirah, syarikat kurier sepautnya menerangkan cara-cara pembungkusan yang betul bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini sekiranya produk tersebut dikhawatir mudah meletup seperti yang diperkatakan.

"Selama ini, memang kami menggunakan perkhidmatan kurier untuk menghantar produk kepada pelanggan, jadi kami memohon pihak terlibat untuk mencari jalan penyelesaian bagi memastikan industri ini terus berkembang," katanya lagi.

Dalam pada itu, seorang lagi pengusaha madu kelulut di Tunjang, Jitra, **Mayzul Md. Zain**, 52, berkata, buat masa ini, mereka terpaksa menggunakan khidmat bas ekspres untuk menghantar produk tersebut.